

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

RUJUKAN : 9081

SOALAN:

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian melalui agensi polis mempunyai masalah sekiranya ceramah dan dakwah Islam ingin disampaikan di negara kita. Kes kelulusan permit untuk ceramah Dr. Zakir Naik misalnya dilihat seperti sukar untuk mendapatkan kelulusan pada mulanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu agama di negara ini merupakan satu perkara teras yang sangat sensitif memandangkan negara ini mempunyai masyarakat yang pelbagai kaum, budaya dan kepercayaan. Sekiranya teras agama tergugat, secara tidak langsung ia berupaya mengganggu gugat keharmonian, keamanan dan keselamatan negara. Sehubungan itu, setiap ceramah dan pendakwah Islam khususnya dari luar negara perlu mendapat kelulusan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Berhubung aktiviti-aktiviti ceramah dan dakwah Islam yang ingin disampaikan di negara ini, pihak PDRM tiada sebarang halangan selagi individu-individu atau kumpulan yang ingin menjalankan aktiviti tersebut tidak mendatangkan sebarang implikasi ke atas keselamatan dan ketenteraman awam. Intipati-intipati di dalam ceramah dan dakwah Islam yang ingin disampaikan juga haruslah tidak menimbulkan isu-isu yang boleh memberi kesan kepada kestabilan hubungan antara agama di negara ini.

Berkaitan kes kelulusan permit untuk ceramah Dr Zakir Naik, pada mulanya agak sukar kerana berdasarkan salah satu tajuk ceramah iaitu "*Similarities Between Hinduism & Islam*" telah mendapat bantahan penganut agama lain dan akhirnya tajuk telah ditukar kepada "*Islam-The Solution To The Problems Of Humanity*". Tajuk pertama ceramah yang akan disampaikan dibimbangi mempunyai unsur-unsur menghina agama lain yang mana faktor tersebut boleh memberi implikasi kepada keharmonian hubungan antara agama di negara ini. Ini kerana pada tahun 2012 di Shah Alam Selangor, Dr Zakir Naik juga didakwa telah menyampaikan ceramah yang mempunyai unsur-unsur menghina agama lain yang ada di negara ini sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati penganut-penganut agama tersebut.

Bagi isu di atas, kelulusan tetap diberikan setelah pihak penganjur diberikan nasihat agar input-input yang ingin disampaikan haruslah tidak menyentuh sensitiviti pengikut agama lain di negara ini.